



KENYATAAN UMUM

**PELANJUTAN TEMPOH PENUTUPAN SEMENTARA IBU
PEJABAT DAN SEMUA PEJABAT ZON LEMBAGA
PERLESENAN TENAGA ATOM BAGI MEMATUHI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Berdasarkan kepada perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 25 Mac 2020 berhubung pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah memutuskan untuk turut melanjutkan tempoh penutupan sementara Ibu Pejabat dan Semua Pejabat Zon LPTA sehingga 14 April 2020. Tindakan ini dibuat setelah mengambil kira kepentingan kesihatan awam dan usaha dalam membendung penularan wabak COVID-19.

Walau bagaimanapun, pemegang lesen dan orang awam masih boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh LPTA menerusi Sistem eLesen eSPP di atas talian ataupun melalui emel. Bagi memastikan mutu perkhidmatan di LPTA terus terjamin, berikut disertakan *Person in Charge* (PIC) dari bahagian yang terlibat sekiranya terdapat sebarang permasalahan yang timbul.

(i) Bahagian Penilaian dan Perlesenan

- Encik Fedrick Charlie Matthew Brayon - fedrick@aelb.gov.my
- Encik Muhammad Hassyakirin Hasim - kirinhasim@aelb.gov.my
- Encik Muhammad Redza Fahmi Rosdi - redza@aelb.gov.my

(ii) Bahagian Kawalselia Sinaran

- Dr. Suhana Jalil - suhana@aelb.gov.my
- Encik Mohd Hazmin Safiyudin Abdullah - hazmin@aelb.gov.my

(iii) Unit *Information and Communications Technology* (ICT)

- Encik Hafiz Hadzori - hafizh@aelb.gov.my

(iv) Unit Kewangan

- Cik Norjehan Abdullah - norjehan@aelb.gov.my

Selari dengan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia, LPTA turut menyeru dan mengingatkan agar kesemua pihak bersama-sama membantu dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
25 Mac 2020 @ 5.00 petang